

19 DEC 1999

Tilawah-Keputusan

QARI DAN QARIAH MALAYSIA JOHAN TILAWAH AL-QURAN KE-41

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Malaysia membolot johan kedua-dua kategori lelaki dan wanita pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-41 yang berakhir di sini, malam ini.

Qari negara Che' Yahaya Daud memperolehi markah 90.33 peratus untuk menjuarai kategori lelaki, manakala qariah Hajah Maznah Awang pula mendapat 92.83 peratus untuk menjadi johan kategori wanita.

Majlis tilawah itu yang bermula Selasa lepas di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh 43 peserta iaitu 27 qari dan 16 qariah dari 28 negara termasuk Malaysia.

Tempat kedua bahagian qari dimenangi peserta Filipina Abdul Latip Daud yang mendapat markah 87.33 peratus, manakala tempat ketiga qari Bangladesh Mohammad Mozammel Hossain yang memperolehi markah 87 peratus.

Bagi kategori qariah, tempat kedua dimenangi peserta Indonesia Iis Solihat dengan markah 90.75 peratus, tempat ketiga qariah Brunei Dayang Hajah Rokiah Ibrahim @ Brahim yang memperolehi 86.50 peratus.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang dan saguhati kepada semua peserta.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hadir sama.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima wang tunai RM10,000, piala pusingan dan piala iringan. Pemenang kedua menerima wang tunai RM7,000 dan pemenang ketiga wang tunai sebanyak RM5,000. Peserta-peserta lain masing-masing menerima saguhati sebanyak RM1,000.

Majlis tilawah itu dihakimi oleh sembilan hakim dari Brunei, Mesir, Indonesia, Iraq, Libya, Thailand, Arab Saudi dan Malaysia.

-- BERNAMA

NM zb